



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENYELESAIAN KRISIS RUMAHTANGGA MENURUT ISLAM :

KAJIAN PENYELESAIAN MENURUT
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
NEGERI JOHOR 1990

Oleh

ABU BAKAR BIN HAJI WATAK

Kertas Projek ini adalah sebahagian daripada
keperluan kursus Diploma Undang-undang
dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ)
Sesi 1994 / 1995

KULLIAYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
PETALING JAYA

JUN 1995

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

MSD, UIA

Date Received : 6/11/95

anf

Firman Allah :

وَعَايَشَرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا. النساء ١٩

Ertinya :

Dan bergaulah dengan mereka secara patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, pada hal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak "

(al - Nisa ayat 19).

Sabda Rasulullah :

عَنْ ثَوْبَانَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) قَالَ : أَيُّمَا امْرَأَةٍ سَأَلْتُ رُوحَهَا طَلَاقًا مِنْ غَيْرِ بَأْسٍ فَكَرَاهَتْ عَلَيْهَا رَائِحَةَ الْجَنَّةِ . (رَوَاهُ أَصْحَابُ السُّنَنِ وَحَدَّثَهُ الْيَرْمُذِيُّ)

Ertinya :

Dari Tsauban, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda : Sesiapa " perempuan yang minta cerai kepada suaminya tanpa sesuatu sebab, maka haram baginya bau syurga "

(Hadith riwayat Ashab Al-Sunan dan diahsankan oleh Tarmizi)

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayahnya penulis dapat menyediakan kertas projek ini dalam masa yang diperuntukan.

Kesempatan ini, penulis merakamkan pernyataan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat menjayakan kertas ini. Terutama sekali kepada penyelia bagi kertas projek ini, Yang Berbahagia Dr. Mamat bin Arifin di atas segala bimbingan tunjukajar mahupun teguran yang diberikan dalam semua aspek penulisan ini.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Syed Ali bin Abu Bakar Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Johor, Yang Arif Tuan Haji Abu Bakar bin Ahmad Hakim Mahkamah Rendah Syariah Batu Pahat dan Ustazah Raimah bte Kamat dan kakitangan pejabat Kadi Batu Pahat diatas maklumat yang diberikan. Tidak ketinggalan kepada semua pensyarah yang begitu dedikasi menyampaikan ilmu kepada penulis.

Akhir sekali, terima kasih dan sanjungan kepada seluruh keluarga penulis, khasnya kepada isteri dan anak-anak di atas sumbangan dan pengorbanan membantu penulis selama dalam pengajian dan menulis kajian ini.

Akhir sekali mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa penulis menjalankan kajian ini.

Salam hormat dari penulis

Haji Abu Bakar bin Haji Watak
818 Jalan Ampuan
83000 Batu Pahat,
Johor Darul Ta'zim.

KANDUNGAN

BAB SATU

RUMAHTANGGA DAN PERKAHWINAN

1.1.	Konsep Perkahwinan	1
1.1.1.	Definisi	1
1.1.2.	Kewajipan Muslim	2
1.1.3.	Nilai Perkahwinan	5
1.2.	Hakikat Perkahwinan	7
1.2.1.	Jenis Perkahwinan	7
1.3.	Tujuan Perkahwinan	13
1.3.1.	Mendaulat Kalimah Allah	13
1.3.2.	Pembentukan zuriat dan keturunan manusia secara halal dan sah	14
1.3.3.	Perlindungan akhlak dan tatasusila	15
1.3.4.	Kestabilan hubungan kerohanian, kebaikan dan kasih sayang	17
1.3.5.	Proses pembentukan dan pembinaan nilai	18
1.3.5.	Jaminan sosial dan ekonomi	19

1.3.7.	Meluaskan kaum kerabat serta mewujudkan kekuatan sosial di dalam masyarakat	21
1.3.8.	Keazaman untuk berusaha dan berkorban	21
1.3.9.	Untuk mengikut sunnah para rasul	23
1.4.	Hak dan tanggungjawab suami isteri	24
1.4.1.	Hal dan tanggungjawab suami	24
1.4.2.	Hak dan tanggungjawab isteri	32

BAB DUA

KRISIS RUMAHTANGGA DAN PENYELESAIANNYA

2.1.	Punca krisis dan cara penyelesaiannya	37
2.1.1.	Nusyuz	40
2.1.2.	Nusyuz pihak isteri	41
2.1.3.	Mengatasi nusyuz isteri	43
2.1.3a	Menasihati	45
2.1.3b	Permulaan tempat tidur	46
2.1.3c	Memukul	48
2.1.3d	Perdamaian	51
2.1.4.	Kebencian dan pengabaian suami	53
2.1.5.	Mengatasi kebencian dan pengabaian suami	55
2.1.6.	Pertelingkahan / Syiqaq	59
2.1.7.	Cara Penyelesaiannya	60

BAB TIGA

PENYELESAIANNYA DALAM ISLAM (SULH)

3.1.	Perdamaian dalam Islam	64
3.2.	Perlaksanaan Sulh menurut dalam Islam	66
3.3.	Institusi Tahkim	72
3.4.	Dalil Pensyariatan Tahkim	73
3.5.	Syarat Hakam	77
3.6.	Perutusan Hakam	80
3.7.	Sulh dalam menangani krisis rumahtangga	82

BAB EMPAT

PERANAN SULH DALAM PENYELESAIAN KRISIS RUMAHTANGGA DALAM NEGERI JOHOR.

4.1.	Peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor 1990	88
4.1.2.	Jawatankuasa Pendamai	88
4.1.3.	Hakam	93
4.1.4.	Unit Khidmat Nasihat	95
4.1.5.	Perlaksanaan Sulh dan Kesannya	99

BAB LIMA

PENUTUP

Kesimpulan dan Saranan	102
Bibliografi	107

PENDAHULUAN

Institusi perkahwinan merupakan sesuatu yang paling kudus di dalam kehidupan manusia. Ia perlu dipelihara dan diperkukuhkan semata-mata untuk menjamin kesinambungan generasi manusia yang kukuh dan mantap dari segi rohani dan jasmaninya.

Keruntuhan insituti ini akan bertanggungjawab membawa pelbagai masalah di dalam masyarakat yang akan menyebabkan kelahiran generasi yang lemah dari segi psikologi dan fizikal, runtuh akhlak dan pelbagai jenayah lahir ekoran dari itu, akan meluas penagihan dadah, rompakan, peras ugut, sakit jiwa, budaya bunuh diri dan sebagainya.

Gejala ini melahirkan kebimbangan⁹ pelbagai golongan yang sedar kesan jangka panjang keruntuhan rumahtangga dan pengabaian tentang institusi perkahwinan.

Generasi akan datang akan hancur musnah apabila bertambah ramai anak yang dilahirkan tanpa nikah, oleh kebuasan nafsu manusia yang menjadikan seks sebagai alat

pemuas nafsu semata-mata, dan bukan untuk menyambung zuriat mereka. Kelahiran anak-anak luar nikah, menyebabkan berlakunya pembunuhan ke atas anak, sama ada dalam kandungan (pengguguran) atau selepas dilahirkan.

Sikap tidak bertanggungjawab bapa terhadap anaknya menyebabkan pengasuhan dan pendidikan anak-anak terbantut yang memberi kesan kepada perkembangan emosi dan fizikal mereka. Oleh yang demikian, hanya sistem nikah kahwin yang digubal oleh Islam sahaja yang paling sempurna, yang mampu untuk membawa sebuah keluarga ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Dengan memahami dan menghayati konsep perkahwinan bertanggungjawab secara bagi mengatasi keruntuhan rumahtangga dan menjamin kebahagiaan setiap individu di dalam masyarakat.

Menyedari hakikat inilah, penulis berusaha untuk membuat kajian kertas projek yang bertajuk " **KRISIS RUMAHTANGGA** satu kajian penyelesaian mengikut perundangan Islam (satu kajian penyelesaian mengikut Enakmen Keluarga Islam Negeri Johor 1990 "

Secara ringkas, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sebab-sebab berlaku krisis rumahtangga dan peranan Mahkamah Syariah Negeri Johor dalam menyelesaikan

masalah ini berdasarkan peruntukan Undang-undang yang ada,

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama kajian ini adalah meropakan pandangan tentang konsep perkahwinan serta hakikatnya. Bab Kedua, akan menjelaskan tentang krisis rumahtangga, sebab-sebab dan cara penyelesaiannya. Bab Ketiga, penulis akan cuba membentangkan prinsip-prinsip asas mengenai sulh menurut pandangan Islam, bentuk, serta peringkat-peringkat pelaksanaan sulh dan juga dikaitkan Tahkim. Bab keempat akan memperkatakan Hasil Kajian terhadap peranan sulh dalam mengatasi krisis rumahtangga di Negeri Johor.

Pendekatan kepada membincangkan hasil kajian adalah berdasarkan kepada tinjauan terhadap peruntukan Undang-undang yang ada, serta perlaksanaannya yang diamalkan di Mahkamah, di samping itu cuba menyingkap secara ringkas permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan Undang-undang di Negeri Johor.

Dalam bab kelima, penulis akan merumus secara ringkas hasil kajian yang dilakukan, serta saranan-saranan yang difikirkan dapat meningkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah di Negeri Johor.

DAFTAR KATA

Penghargaan	i, ii
Kandungan	iii, iv, v, vi, vii
Pendahuluan	viii, x, xi
Daftar Kata	xii

BAB 1

RUMAHTANGGA DAN PERKAHWINAN

1.1. KONSEP PERKAHWINAN

1.1.1 Definisi

Rumahtangga boleh dikatakan sebuah institusi yang terbentuk di atas sebuah perkahwinan di antara lelaki dan perempuan. Rumahtangga juga adalah merupakan satu perkongsian hidup yang mengikat suami isteri dalam sesuatu kehidupan yang tersendiri dalam membentuk sebuah keluarga. Pasangan yang mendirikan rumahtangga pada kebiasaannya akan mengharapkan terhasilnya sebuah keluarga bahagia dan mencapai matlamat perkahwinan itu sendiri. Bagaimanapun, tidak semua perkahwinan itu membuat keluarga bahagia dan berkekalan seperti yang diharapkan. Malah terdapat rumahtangga yang berakhir dengan penceraian, sentiasa dalam keuar kacir yang berpunca dari berbagai-bagai krisis yang timbul dalam rumahtangga tersebut.

Krisis dalam rumahtangga sememangnya tidak dapat dielakkan. Ini adalah kerana Rumahtangga terbina dari dua pihak yang mempunyai sifat yang berlainan antara satu sama lain. Walaupun pada dasarnya perkahwinan

memerlukan kepada perselahaman dan kerjasama antara kedua belah pihak, namun apabila sifat-sifat yang berlainan antara lelaki dan perempuan ini tidak dapat diselaraskan maka akan timbul berbagai masalah yang akan membahayakan rumahtangga itu secara langsung, dan seterusnya mencetuskan krisis. Tanpa jalan penyelesaian yang segera rumahtangga yang mengalami krisis boleh mengakibatkan keretakan dan seterusnya membawa kepada perceraian.

Dalam mengatasi krisis rumahtangga dan untuk mengelakkan perceraian adalah perlu untuk melihat beberapa perkara yang berkaitan dengan perkahwinan, iaitu dari sudut konsep, kewajipan nilai dan tujuan-tujuan perkahwinan dalam Islam, serta langkah-langkah yang digariskan oleh Islam bagi mengatasi krisis rumahtangga. Kerana perkahwinan di kalangan manusia mempunyai peraturan, yang digubal oleh Allah pencipta manusia dan segala makhluk. Peraturan-peraturan itu pula adalah yang paling sesuai dengan fitrah dan fungsi manusia.

1.1.2 KEWAJIPAN MUSLIM

Setiap seorang muslim mempunyai tugas dan kewajipan sendiri yang boleh dibahagikan kepada Empat seperti berikut: ¹

(1) Sebagai Hamba Allah : Setiap Muslim berkewajipan untuk melaksanakan *Hablunminallah* iaitu penghayatan Rukun Iman, pelaksanaan Rukun Islam dan

¹ Farid Maaruf Noor, *Menuju Keluarga Bahagia dan sejahtera* (Bandung : PT. Al Ma'arif, 1983) Hal 23

lain-lain amalan soleh yang diperintahkan. Hal ini dijelaskan oleh Allah didalam ayat berikut :

وَمَا سَأَلْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Terjemahannya:

Dan tidaklah aku jadikan jin dan manusia kecuali agar mereka beribadat kepadaKu ²

(2) Rumahtangga : Setiap Muslim juga berkewajipan untuk mendirikan rumahtangga yang bahagia, aman dan harmoni serta bertanggungjawab untuk menyelamatkan setiap ahli keluarganya dari azab api neraka. Hal ini dijelaskan oleh Allah di dalam ayat :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Terjemahannya

" Wahai orang yang beriman peliharalah dirimu dan ahlimu dari api neraka " ³

² Al-Quran, surah Al Dzariat ayat 56

³ Al-Quran surah Al Tahrim ayat 6

(3) Masyarakat : Setiap Umat Islam juga berkewajipan untuk membina masyarakat dengan memelihara ketenteraman, perdamaian dan kesejahteraan dengan menggalakkan amal makruf dan mencegah segala perkara yang mungkar. Mereka yang lari atau gagal dari menegakkan tugasnya sebagai umat Islam dalam membina masyarakat adalah dihina oleh Allah, sebagaimana ayat :

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَا تَوَقَّفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِنَ
اللَّهِ وَخَيْلٍ مِنَ النَّاسِ وَبَاءُ وَ يَنْصَبُ مِنَ اللَّهِ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ

Terjemahannya :

Diimpakan kepada mereka kehinaan dimana sahaja mereka berada. Kecuali dengan berpegang kepada Tali Allah dan kepada tali daripada manusia dan kembali mereka dengan membawa kemurkaan Allah dan diimpakan kepada mereka kemiskinan. ⁴

(4) Negara : Setiap Umat Islam juga berkewajipan untuk membangunkan Negara. Menegakkan pemerintahan Islam adalah kewajipan yang amat besar, kerana Syariah Islamiah hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya setelah wujudnya pemerintahan Islam.⁵

⁴ Al-Quran surah Al Imran ayat 112

⁵ Mustafa Haji Daud : *Perkahwinan Menuut Islam*
Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Dalam Empat Bidang tugas dan kewajiban setiap Umat Islam, Pembentukan rumahtangga adalah yang paling utama. Kebahagiaan masyarakat dan Negara bertitik tolak dari Kerukunan, Kebahagiaan Rumahtangga.

1.1.3 NILAI PERKAHWINAN

Perkahwinan itu begitu tinggi nilainya yang boleh dilihat dari aspek-aspek berikut ⁶

1. Sebagai pelaksanaan fungsi manusia sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini.
2. Tanda ketaatan seorang Muslim kepada Titah Perintah Allah iaitu sebagai Ibadat. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah di dalam Hadis yang berikut :

فمن رغب عن سنتي فليس مني

Terjemahannya

" Dan barang siapa yang tidak suka terhadap sunnahKu, maka ia bukanlah dari umatKu ⁷

⁶ Farid Maaruf Noor. *Menuju Keluarga Bahagia dan sejahtera* Ibid. Hal 24

⁷ Fathu Al-Bari Penerbit Darul Fikri. Bab Nikah / Hal 104

3. Melaksanakan Syariah Islamiah yang telah menetapkan secara menyeluruh dan terperinci berkaitan dengan perkahwinan.
4. Membentuk satu institusi suci, ia mensucikan hubungan lelaki dan wanita dalam sebuah rumah tangga, yang melahirkan generasi yang suci juga.

Oleh kerana begitu tinggi nilai hidup berumah tangga, Islam melarang keras perbuatan membujur. Hal ini dijelaskan oleh Allah di dalam ayat :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَحْزِمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ
 اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَسْتَدْرِئُوا إِنَّا اللَّهُ لَا يُجِبُ
 الْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

Terjemahannya :

" Wahai orang yang beriman, janganlah Kamu mengharamkan yang baik-baik apa yang dihalalkan Allah kepada Kamu dan janganlah Kamu melampau sesungguhnya Allah tidak suka orang yang melampau.⁸

⁸ Al-Quran surah Al Maidah ayat 87

Sabda Rasulullah telah menjelaskan :

وقال سعد بن وقاص : رد رسول الله صلى الله عليه وسلم :
على عثمان بن مظعون التبنل ولو اذن له لاختصينا

" Rasulullah menolak Othman bin Madzun untuk membujang " Andaikata dia
dibolehkan membujang, tentu kami para sahabat akan biarkan sahaja. ⁹

1.2. HAKIKAT PERKAHWINAN

1.2.1. Jenis Perkahwinan

Dari segi perkahwinan pula terdapat beberapa jenis perkahwinan oleh manusia
sepanjang zaman di antaranya : ¹⁰

A. MONOGAMI

Yang dimaksudkan dengan monogami ialah perkahwinan antara seorang lelaki
dan seorang wanita sahaja untuk sepanjang zaman. Seorang lelaki hanya
dibenarkan mempunyai seorang isteri, dan isteri hanya mempunyai seorang
suami sahaja.

⁹ Said Sabiq, *Fikhu Al Sunnah* Darul Fikri Jld. 21 Hal 15 Darul Fikir - Beirut

¹⁰ Abd. Gani Azmi Haji Idris, *Hukum Perkahwinan dan Keluarga Islam Islam*,
Hal. 13. Penerbit Dinte publisher, Kuala Lumpur

Agama Islam memandang perkahwinan itu satu ikatan suci dan perkahwinan yang paling ideal ialah monogami tetapi pada ajaran Islam tidaklah ianya mutlak. Perceraian dibolehkan dengan sebab-sebab tertentu dan poligami dibolehkan kerana sebab-sebab yang khusus dan dengan syarat-syarat ketat.

B. POLIGAMI

Yang dimaksudkan dengan poligami ialah lelaki yang mengahwini lebih dari seorang isteri dalam satu masa iaitu sehingga empat orang isteri. Kecuali Nabi Muhammad yang dibenarkan oleh Allah mengahwini sampai sembilan orang isteri dalam satu masa.

Poligami yang dibenarkan Islam bukan wajib dan bukan pula sunat, ¹¹ sebagaimana dijelaskan oleh Allah di dalam Al-Quran firmannya :

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَسْتِنَ فَاذْكُرُوا مَا طَابَ
لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْرَىٰ وَثَلَاثَ وَرُبْعَ فَإِنْ خِفْتُمْ
أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاجِدَةٌ

¹¹ Ibid Hal 15

Terjemahannya:

" Maka kahwinilah wanita-wanita yang baik-baik yang kamu sukai, berdua, bertiga dan berempat dan jika kamu tidak dapat berlaku adil, maka Kahwinilah seorang (isteri) sahaja. ¹²

(C) MUHALLIL

Seorang lelaki menikahi isteri yang telah ditalak TIGA KALI oleh suaminya yang asal, selepas itu diceraihan oleh lelaki itu bagi membolehkan suaminya yang asal mengahwininya semula, perkahwinan ini juga dinamakan " cina Buta " dikalangan orang Melayu. Hukumnya termasuk DOSA BESAR dan dilaknat oleh Allah. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah dalam hadis berikut:

لعن الله المحلل والمحلل له

Terjemahannya :

" Allah melaknat Muhallil (yang kawin cina buta) dan muhallaahnya (bekas suami yang menyuruh orang menjadi Muhallil). ¹³

Perkahwinan seumpama ini ditegah kerana ianya dirancang dengan teratur sehingga ia bersifat sementara sahaja, dengan upah dan bayaran atau dengan

Al-Quran Surah Al Nisak ayat 3

Said Sabik Fikhu Al Sunnah Jil. 2. Hal 39

syarat tempoh yang ditetapkan untuk bercerai. Ini jelas bertentangan dengan ketentuan Allah dan Rasulnya.

Tetapi jika wanita itu dinikahi oleh lelaki lain secara benar, setelah sekian lama dan secara kebetulan berlaku perceraian, maka pernikahan dengansuaminya yang asal dianggap sah dalam Islam. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah dalam hadisnya yang berikut :

جاءت امرأة رفاعة الى رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقالت :
اني كنت عند رفاعة فطلقني، فبت طلاقني عبد الرحمن ابن الزبير،
ومامعه الامسل هدية الثوب فتبسم النبي صلى الله عليه وسلم، وقال :
اتريدين ان ترجعي ال رفاعة، لا ... حتى تذوق عسيلته ويذوق عسيلتك.

Terjemahannya :

" Isteri Rifaah pernah datang kepada Rasulullah lalu berkata, saya dahulu pernah menjadi isterinya Rifaah, kemudian saya ditalaknya, dan talaknya kepada sudah Tiga Kali, lalu saya kahwin dengan Abd. Rahman bin Zubir, tetapi dia ibarat hujung kain (lemah syahwat) lalu Nabi pun tersenyum seraya bersabda : Apakah kamu mahu kembali kepada Rifaah? Oh, tidak boleh sebelum kamu benar-benar

merasakan madu kecilnya (Abd. Rahman bin Zubir) dan dia merasakan madu kecil kamu. ¹⁴

Ini bererti seorang wanita yang ditalak Tiga Kali baru boleh dinikahi oleh suaminya yang asal dengan syarat, wanita itu sudah dinikahi lelaki lain dengan sempurna, tanpa apa-apa syarat.

(D) PERKAHWINAN MUTAAH

Perkahwinan ini merupakan kahwin secara sementara, tertaluk persetujuan kedua belah pihak. Ianya dihalalkan pada zaman Rasulullah dan selepas itu di Haramkan oleh Rasulullah apabila kesannya amat buruk sekali keatas Umat Islam. Dan kini kebanyakan mazhab fekah mengharamkan kecuali golongan Syiah.

Ia di haramkan kerana bertentangan dengan Islam yang menggalakkan perkahwinan yang berkekalan. Rasulullah menjelaskan dalam hadis berikut :

ياايهاالناس انى كنت اذنت لكم فى الاستمتاع
الاوان الله قد حرمها الى يوم القيامة